

# SEJARAH RINGKAS NANING

Oleh  
Abdullah Zakaria bin Ghazali Ph.D. \*

## PENDAHULUAN

Naning yang kini dikenali sebagai Wilayah Adat Perpatih Nanning mempunyai perkembangan sejarah yang sangat menarik. Sebelum diduduki British pada tahun 1832, Nanning adalah sebuah negeri kecil Melayu yang terletak di kawasan pedalaman di antara Melaka-Rembau, manakala pentadbiran dikendalikan oleh Penghulu dan dibantu oleh Empat Suku. Nanning dimegahi dalam sejarahnya, antaranya kerana perjuangan menentang penjajah Belanda dan British. Selepas tahun 1832, Nanning dimasukkan ke dalam pentadbiran Melaka.

## LATAR BELAKANG NANING

Naning dinyatakan sempena daripada nama binatang Nanning. Walau pun sejarah awal Nanning kurang jelas, tetapi Sejarah Nanning seringkali dikaitkan dengan Dato' Perpatih Pinang Sebatang. Dato' Perpatih keluar dari Pagar Ruyong mengembara ke Kampar, Siak, Bengkalis, Bukit Batu seterusnya ke Tanah Melayu, Pengkalan, Ikan Lemak, Paya Dato', Bukit Serusok, Bukit Tompunek, Bukit Penyalang, Bukit Bosa Silau, Pulau Gelang Tiga Sejanjar dan Taboh. Taboh dijadikan pusat pentadbiran Nanning.<sup>1</sup> Nanning terus berkembang melalui pentadbiran Penghulu. Masyarakatnya berteras Adat Perpatih, iaitu Adat Perpatih Nanning yang berdasarkan Adat Perpatih Pinang Sebatang.<sup>2</sup> Taboh ialah kawasan di hulunya Gaung Air Salak, di hilirnya Parit Melintang, di depannya Bukit Penyalang dan di belakangnya Pulau Gelang. Manakala Nanning: di hilir Gaung Air Salak, di hulu Danau Berombak, di depan Bukit Penyalang dan di belakang Pulau Gelang.<sup>3</sup>

Pada tahun 1643, Belanda yang berkuasa di Melaka menghantar 200 orang tentera menyerang Nanning.<sup>4</sup> Kesan daripada serangan ini terikat perjanjian dalam tahun 1643 antara pihak Belanda dengan Dato' Nanning. Perjanjian ini antara lain menyatakan Nanning dimestikan

---

\* Penulis adalah Profesor dan Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Mohd. Shah bin Mohd. Said al-Haj. *Tambo Alam Nanning* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996). hlm. 147-149.

2 Ibid., hlm. 39.

3 Temu bual Yunus bin Nordin, Kampung Cendana (Cerana) Putih, Taboh, Nanning, 10 Februari 1981.

4 T. Braddell, "Notes on Nanning, with A Brief Notice of the Nanning War", *JIAEA*, New Series, No. 1, 1856, hlm. 194-195.

membayar 1/10 daripada jumlah hasil tanamannya.<sup>5</sup> Pihak Belanda menaksirkan bahawa jumlah hasil Naning setahun tidak melebihi 4,000 gantang padi.<sup>6</sup> Berdasarkan jumlah anggaran hasil inilah menyebabkan Naning dikehendaki membayar 400 gantang padi<sup>7</sup> setahun kepada Belanda di Melaka. Selain itu Orang-Orang Besar Naning diwajibkan datang ke Melaka mendapatkan nasihat tentang cara-cara pemerintahan. Pada tahun 1745, Gabenor Melaka Willem Bernard Albinus (1743-1749) diingatkan oleh Gabenor Jeneral Van Imhoff supaya mengawal bijih timah Naning agar dijual kepada Syarikat Hindia Timur Belanda. Seterusnya pada tahun 1746, Belanda menandatangani perjanjian dengan Naning menghalang penjualan bijih timah.<sup>8</sup> Pada tahun 1757 Sultan Johor menyerahkan Naning kepada Belanda di Melaka.<sup>9</sup> Berdasarkan adalah manuskrip Melayu Naning di bawah naungan Johor.<sup>10</sup> Belanda menyerahkan petadbiran Melaka kepada British pada tahun 1795. Penyerahan itu berasaskan syarat yang telah dilaksanakan oleh Belanda.<sup>11</sup> Tetapi British tidak mengambil berat tentang kawasan pedalaman.<sup>12</sup> Kira-kira 6 tahun bertapak di Melaka, British membuat perjanjian dengan Penghulu Dol Said. Perjanjian pada tahun 1801 ini ditandatangani oleh Leftenan-Kolonel Aldwell Taylor dan Penghulu Dol Said serta Orang-Orang Besar (Empat Suku) Naning.<sup>13</sup> Leftenan-Kolonel Aldwell Taylor menandatangani sebagai wakil Gabenor Madras, manakala pihak Naning pula ditandatangani oleh Seri Raja Merah, Dol Said, Lela Hulubalang, Orang Kaya Kechil, Membangun Kaya, Maharaja Nan Kaya dan Maulana Garang.<sup>14</sup> Melalui perjanjian ini Dol Said disahkan oleh British sebagai Penghulu Naning dan diberi cop Kompeni Hindia Timur Inggeris<sup>15</sup> sereta hendaklah mematuhi arahan Kompeni. Di samping itu Dol Said tidak boleh melakukan pemusuhan dengan Kompeni Inggeris. Dol Said dan Orang-Orang Besar Naning pula bersetuju akan menyerahkan hasil 1/10 kepada British seperti apa yang telah dijanjikan antara Belanda dengan Naning.<sup>16</sup> Juga, sekiranya ada jawatan Penghulu yang kosong pihak British boleh mengesahkan atau melantik penghulu bagi memenuhi jawatan yang kosong itu.<sup>17</sup> Dol Said dilantik menjadi Penghulu Naning dan bertanggungjawab ke atas orang-orang Minangkabau dan Melayu di dalam Naning. Tentang pelantikan ini Leftenan-Kolonel Aldwell Taylor menyatakan seperti berikut:

5 M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67* (Singapore: Oxford University Press, 1972), hlm. 264. L.A. Mills., *British Malaya 1824-67*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 116. R.J. Wilkinson, (ed.) *Papers on Malay Subjects*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 301. Haji Mubin Sheppard, "The Tomb of Dato Abdul Said Dato Naning", *Malaysia in History*, Vol. X, No. 1, 1967, hlm. 33.

6 R.J. Wilkinson, hlm. 301.

7 C.O. 273:1, "Chapter VIII – Malacca Naning War", hlm. 410. L.A. Mills, *op. cit.*, hl. 116, R.J. Wilkinson, *op. cit.*, hlm. 301. Haji Mubin Sheppard. *op. cit.*, hlm. 34.

8 Dianne Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca 1641-1795* (Athens: Ohio University Centre For International Studies, 1995), hlm. 65:71.

9 Shahba, *Pesaka Naning* (Kuala Pilah: The Sentosa Store, 1951), hlm. 18 dan L.A. Mills, *British Malaya*, hlm. 115 menyatakan Johor menyerahkan Naning kepada Belanda. Perkara ini tidak dicatatkan oleh Dianne Lewis. Sebaliknya menyatakan Linggi dan Rembau diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur Belanda (Dianne Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca 1641-1795*, hlm. 77).

10 SSR. A63, MC., Superintendent of Lands, W.T. Lewis kepada Mr. Church, Esquire, Secretary to the Government, 9 Mac 1829.

11 SC. Khamis, 11 Ogos, 1831.

12 T. Braddell, *op. cit.*, hlm. 199.

13 Shahba., *op. cit.*, hlm. 22. Juga lihat Richard Wistedt., *Malaya and Its History*, Hutchinson University Library, London, 1969, hlm. 156. Lihat juga Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *op. cit.*, hlm. 356. L.A. Mills, *op. cit.*, hlm. 117.

14 SSR. A63, MC., Minute by Mr. Garling (t.t.).

15 T. Braddell, *op. cit.*, hlm. 199.

16 C.M. Turnbull, *op. cit.*, hlm. 264.

17 L.A. Mills, *op. cit.*, hlm. 117.

## SEJARAH RINGKAS NANING

“Kita menyatakan ya-itu-lah yang menjadi kepercayaan ka-pada bangsa Inggeris dengan tiada kechelaan-nya lagi dengan kepandaian aka kita pun mengangkatlah dengan penguasaan kita meletakkan ka-pada pangkat Kapitan (Penghulu) atas sekalian bangsa Menangkabau dan Melayu dan barang sa-bagai-nya di-dalam tanah Naning serta ta'aloknya .... Maka kita pun memberi tapak tangan (tandatangan) serta cap di dalam kota Melaka ....”<sup>18</sup>

Pada tahun 1803 Kolonel Farquhar dilantik sebagai Residen Melaka. Pada tahun 1807 dia mengisytiharkan bahawa hukuman jenayah di Naning hendaklah diselesaikan di Melaka. Di masa Belanda, Penghulu dibenarkan menghukum serta membicarakan kes bunuh, rompok dan malah boleh menghukum bunuh ke atas anak buahnya.

Pada tahun 1818 Belanda menduduki semula Melaka dan sekali lagi Naning menikmati kebebasan yang dinikmati dahulu.<sup>19</sup> Tetapi dalam April 1825 Melaka diduduki British<sup>20</sup>. Kali ini Belanda menukarkan Bangkahulu dengan Melaka melalui perjanjian British dengan Belanda, 17 Mac 1824. British mendakwa Naning kepunyaan British. Begitu juga penduduk Naning dahulunya menjadi rakyat Belanda tetapi kini menjadi rakyat Raja Inggeris.<sup>21</sup> Penyerahan Melaka ke tangan British oleh Belanda diberitahu kepada Dol Said dan Yamtuan Ali, Rembau.

Pada tahun 1827 Penghulu dan Empat Suku datang ke Melaka menemui Samuel Garling yang dilantik sebagai Residen Melaka dalam tahun 1826.<sup>22</sup> Kemudiannya timbul perbezaan pendapat mengenai kedudukan Naning. Gabenor Fullerton berpendapat bahawa Naning adalah takluk Melaka. Dengan itu pihak British berhak menuntut 1/10 daripada hasil tahunan Naning<sup>23</sup> seperti yang telah termaktub di dalam perjanjian 1801 dahulu. Gabenor Fullerton menegaskan bahawa pentadbiran Naning hendaklah didasarkan pada pentadbiran Negeri-Negeri Selat.<sup>24</sup> Pada tahun 1827, Gabenor Fullerton menghantar W.T. Lewis, Timbalan Residen Melaka ke Tabuh, ibu Negeri Naning menyiasat hal ehwal Orang-Orang Besar Naning dan mengaturkan sistem tanah.<sup>25</sup> W.T. Lewis membuat laporan pentadbiran Naning lemah dan Orang-orang Besar Naning melakukan kezaliman. Selain itu beliau mengesyurkan British campur tangan dalam pentadbiran Naning.<sup>26</sup> W.T. Lewis juga menegaskan Naning wajib membayar 1/10 daripada hasil tahunan negerinya yang dianggar \$4,500 kepada British di Melaka dan mencadangkan di beri pencen kepada Orang-orang Besar Naning.<sup>27</sup>

Pada tahun 1828 Penghulu Dol Said menyelesaikan kes jenayah di Naning. Sementara itu pada tahun yang sama penduduk Naning tidak membantu pegawai British yang datang

18 C.O. Blagden., "Appendix: Malay Documents Relating to Naning War Introductory Note", dalam L.A. Mills, "British Malaya 1824-1867", *JMBRAS*, Vol III, Pt. 11, November 1925. (Seterusnya diringkaskan sebagai C.O. Blagden. MDNW). Lieutenant-colonel Aldwell Taylor. British Resident and Commandant Malacca kepada Raja Merah Dol Sa'id of Naning, 16 Julai 1801.

19 SC. Khamis 11 Ogos 1831.

20 T. Braddell., *op. cit.*, hlm. 199. Lihat juga Hendrik P.N. Muller (Dr.) (abstracted from the Dutch record by PC. Hoynk. Van Papendrecht), "The Malay Peninsula and Europe in the Past", *JSBRAS*, No. 67, December 1914, hlm. 83. SC. Khamis, 11 Ogos 1831.

21 SSR. A63. MC., Minute by President (R. Fullerton), 2<sup>nd</sup> March 1829.

22 T.J. Newbold, Vol. 1, *op. cit.*, hlm. 224.

23 SSR, Minute by Mr. Garling (t.t.).

24 T. Braddell., *op. cit.*, hlm. 200. Lihat juga Shahba, *op. cit.*, hlm. 22.

25 L.A. Mills, *op. cit.*, hlm. 117. T.J. Newbold, Vol. 1, *op. cit.*, hlm. 225, mencatatkan bahawa W.T. Lewis dihantar dalam tahun 1828.

26 Shahba., *op. cit.*, hlm. 22.

27 C.O. 273/1 "Chapter VIII - Malacca Naning War", hlm. 411-412. Shahba, hlm. 23. Lihat juga L.A. Mills, *op. cit.*, hlm. 119.

melaksanakan bancian di Naning.<sup>28</sup> Tindakan Dol Said ini disifatkan oleh British sebagai tidak mematuhi undang-undang Negeri-Negeri Selat dan melakukan kesalahan. British Juga mensifatkan bahawa Penghulu Naning dan Empat Suku tidak mengerti tentang tujuan pentadbiran British di Naning.<sup>29</sup>

Pada tahun 1830-an Naning adalah sebuah negeri kecil Melayu dan letaknya di kawasan pedalaman Melaka iaitu di antara Rembau dengan Melaka. Jaraknya dengan Melaka 21 batu.<sup>30</sup> Panjangnya 40 batu, lebarnya 10 batu, dan keluasannya 400 batu persegi.<sup>31</sup> Dalam kurun ke-16 Naning pada teorinya di bawah takluk Negeri Sembilan tetapi pada praktiknya di bawah kerajaan Johor. Pada tahun 1829 penduduk Naning berjumlah 4,300 orang. Daripada jumlah ini 1,600 hingga 1,800 adalah orang, orang dewasa dan Naning mempunyai 900 buah rumah.<sup>32</sup> Kehidupan orang Naning bergantung pada padi, bijih timah, rotan, gambir dan buah-buahaan.<sup>33</sup> Hasil timah di Naning kira-kira 300 pikul setahun dan padi pula 60,000 gantang setahun. Di samping itu Naning kaya dengan buah-buahan dan sayur-sayuran.<sup>34</sup> Dalam tahun 1834 penduduk Naning kira-kira 5,000 orang.<sup>35</sup>

## PERJUANGAN MENENTANG KUASA ASING

Naning tidak ketinggalan dalam perjuangan menentang kuasa asing yang menjajah Melaka. Penjajah Belanda yang menduduki Melaka mulai tahun 1641 mendapat tentangan daripada penduduk Naning. Akhirnya pada tahun 1643, angkatan Belanda yang terdiri daripada 200 orang melancarkan serangan ke atas Naning. Suatu perjanjian ditandatangani antara Belanda dengan Penghulu Naning pada tahun 1643.<sup>36</sup> Antara syaratnya ialah Penghulu diwajibkan menghantar satu persepuluh hasil tahunan Naning kepada Belanda di Melaka. Selain itu Naning juga dikehendaki menghantar 72 ekor ayam dan sejumlah tertentu kerbau. Tetapi Belanda tidak memaksa Naning menghantar hasil tersebut. Malah Belanda pernah meminta Naning menghantar 400 gantang padi sahaja ke Melaka.<sup>37</sup> Belanda tidak melakukan kekerasan kerana kos yang akan diambil untuk memaksa Naning membayar satu persepuluh tidak dapat menampung perbelanjaan peperangan.

Begitu juga ketika British mengambil alih teraju pentadbiran Melaka (surat-surat Kew pada tahun 1795-1818) perselisihan seringkali berlaku antara Naning dengan British. Pada

28 C.O. Blagden., MDNW. Samuel Garling. Resident Councillor. Malacca, to the Penghulu and Sukes of Naning 26 June 1829.

29 C.O. Blagden, MDNW. Samuel Garling. Resident Councillor. Malacca, to the Penghulu and Sukes of Naning. 20 Jun 1829.

30 Shahba., *op. cit.*, hlm. 17. Lihat juga T.J. Neewbold., *British Settlements in the Straits of Malacca, Vol. 1*, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1971, hlm. 190.

31 Johor Crawford., *A Descriptive Dictionary of the Indian and Adjacent Countries*. OUP. Kuala Lumpur. 1971, hlm. 290. Berdasarkan Shahba, keluasan Naning itu 200 batu persegi. C.M. Turnbull pula mencatatkan bahawa keluasan Naning 240 batu persegi (sila lihat C.M. Turnbull. *The Straits Settlements 1826-67*, hlm. 263. Sumber lain pula mencatatkan bahawa keluasan Naning 100 batu persegi atau 25.600 ekar (SSR.R2. GLTB. Thomas Church kepada Ketua Setiausaha Pemerintah, Fort William, 22 Julai 1882).

32 SC. Khamis 11 Ogos, 1831. Sebaliknya Shahba dalam *Pesaka Naning* mencatatkan jumlah penduduk Naning dalam tahun 1829 seramai 4,875 orang. Dan daripada jumlah ini 1,200 orang adalah orang dewasa.

33 Shahba, *Pesaka Naning*, hlm. 17.

34 SC. Khamis, 11 Ogos, 1831.

35 SSR R. 2.GLTB, T. Hurch (Acting Governor) kepada Macsoveen, Esquire Ketua Setiausaha, Fort William. 28 April 1834.

36 T. Braddell, "Notes on Naning, with A Brief Notice of the Naning War". *JIAEA*. New Series Vol. 1, 1856, hlm. 194-195.

37 C.O. 273/1, "Chapter VIII. - Malacca - Naning War". hlm. 410. L.A. Mills. *British Malaya 1824-67*, hlm. 116. R.J. wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, hlm. Dato Naning". *Malaysia in History*. hlm. 33-34.

tahun 1818 Belanda kembali semula berkuasa di Melaka. Kemudiannya pada 1824, termaktub perjanjian Inggeris-Belanda di London yang antara lainnya menyebabkan Belanda menyerahkan Melaka kepada British; British pula menyerahkan Bengkulu di Sumatera kepada Belanda.

Pada tahun 1831, Gabenor Robert Ibbetson mengambil keputusan menghantar pasukan tentera menawan Naning. Satu pasukan yang terdiri daripada 150 orang<sup>38</sup> di bawah Kapten Wyllie diarahkan bersiap sedia untuk maksud ini. Kapten Wyllie dibantu oleh Leftenan Milnes, Leftenan Begbie dan doktor Smith. Pasukan ini diarahkan menawan Tabuh, kediaman dan pusat pentadbiran Penghulu Dol Said serta memberi amaran dan mengancam pembesar yang enggan mematuhi arahan British di Melaka.<sup>39</sup>

Sementara itu Penghulu Dol Said pula menghubungi negeri jiran, seperti Seri Menanti, Rembau, Sungai Ujong untuk mendapatkan bantuan. Dalam usaha mendapatkan bantuan Rembau, Penghulu Dol Said mengingot Yamtuan Ali supaya menghantar bantuan panglima mempertahankan Naning daripada serangan British. Sekiranya Naning diduduki oleh British, Rembau juga akan menerima nasib yang sama. Atas kebimbangan inilah Yamtuan Ali menghantar 500 orang di bawah menantunya Syed Saban. Selain itu Yamtuan Ali menghantar Penghulu Remai dan Recat mengetuai angkatan Rembau membantu Penghulu Dol Said. Di samping itu Dato' Kelana Sungai Ujong, Penghulu Gemenceh, Penghulu Linggi dan Pembesar Seri Menanti turut sama membantu Penghulu Dol Said.<sup>40</sup> Bantuan ini jelas menggambarkan semangat kesatuan di kalangan bangsa Melayu untuk mempertahankan tanah air daripada pencerobohan bangsa asing.

Dalam usaha mengatasi kemaraan pasukan British, Penghulu Dol Said mengarahkan panglimanya bersiap sedia menunggu jalan-jalan yang mungkin akan dilalui oleh pasukan British dengan senjata. Mereka diarahkan melancarkan serangan sebaik-baik sahaja angkatan British melintasi kawasan kawalan masing-masing.<sup>41</sup> Pasukan British berlepas dari Melaka menuju ke sungai Petai pada pukul 4.00 pagi, Sabtu 6 Ogos 1831. Sungai Petai dipilih kerana kedudukannya yang strategik berhampiran dengan Naning dan mudah berhubung dan mudah untuk menghantar bekalan.<sup>42</sup> Dalam gerakan menghalang kemaraan pasukan British pengikut Penghulu Dol Said menggunakan serangan hendap; serta melarikan diri setelah serangan dilancarkan. Selain itu jalan yang mungkin dilalui oleh pasukan British dihalang dengan menumbangkan pokok kayu menghalangi jalan tersebut. Pasukan British terpaksa membersihkan jalan terlebih dahulu sebelum pasukan dan kereta lembu yang membawa meriam meneruskan gerakan mereka. Sementara mereka sibuk membersihkan jalan ini Penghulu Dol Said melancarkan serangan ke atas pasukan British.

Walaupun mendapat tentangan daripada Penghulu Dol Said, angkatan British berjaya tiba di Melekek, kira-kira 8 kilometer dari Tabuh.<sup>43</sup> Oleh kerana serangan berterusan orang Melayu dan bekalan yang didatangkan dari Singapura tidak sampai di Sungai Petai, angkatan British di bawah Kapten Wyllie berundur ke Melaka. Angkatan British yang mara ke Naning

38 SSR. U.L. GLTRC., R. Ibbetson kepada Samuel Garling. Timbalan Residen Konsular Melaka, 13 Ogos 1831.

39 SC. Khamis, 11 Ogos 1831.

40 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perang Naning 1831", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bilangan 9, 1985, hlm. 39.

41 SC, Khamis, 9 Februari 1832.

42 SSR. U.I. GLTRC., R. Ibbetson kepada Samuel Garling. Timbalan Residen Konsular Melaka, 13 Ogos 1831.

43 SSR. R.I. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton. Ketua Seriusaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca* Vol. 1., hlm. 227-228.

pada 6 Ogos 1831 berakhir dengan kekalahan dan berundur ke Melaka pada 24 Ogos 1831. Penghulu Dol Said berjaya menumpaskan kuasa gergasi dunia pada ketika itu.

British yang kalah menyediakan angkatan yang lebih besar untuk menyerang naning pada tahun 1832. Angkatan British kali ini di bawah Leftenan Kolonel Herbert.<sup>44</sup>

Pada 7 Februari 1832 angkatan British yang terdiri antara 1,200 hingga 1,400 orang di bawah Leftenan Kolonel Herbert bergerak ke Naning. Walaupun ditentang oleh Penghulu Dol Said, angkatan British berjaya menawan Naning dan menduduki Taboh pada 15 Jun 1832.<sup>45</sup> Kekalahan ini menyebabkan ia menjadi taklukan Melaka.<sup>46</sup> Sayid Shaban yang membantu British dihadahi wang sebanyak \$500.00 dan sepucuk pistol bernilai \$60.00 serta dilantik menjadi Yamtuan Muda Rembau.<sup>47</sup> Dua kompeni Sepoi diletakkan di Naning untuk menjaga keamanan dan menjamin penduduk daripada dipengaruhi oleh Penghulu Dol Said.<sup>48</sup> Tujuh orang yang ditangkap British, Akhir Loman, Soman Panglima Besar, Haji Kadir, Sadin, Udin, Siah dan Kemat dihantar ke Culcutta untuk dibicarakan.<sup>49</sup> Sementara itu tawaran hadiah penangkapan Penghulu Dol Said dinaikkan dari \$1,000.00 ke \$2,000.00<sup>50</sup>

## PENTADBIRAN NANING

Kekalahan Naning pada 15 Jun 1832 menyebabkan ia menjadi takluk Melaka.<sup>51</sup> Pada 27 Oktober 1832 Naning dimasukkan ke dalam peraturan Negeri-Negeri Selat dan di bawah pentadbiran Westerhout.<sup>52</sup> Pada bulan November 1832 Westerhout diangkat oleh R. Ibbetson dan Samuel Garling menjadi pemerintah Naning.<sup>53</sup> Undang-undang tanah yang sebelum ini dijalankan di Melaka kini dikuatkuasakan di Naning.<sup>54</sup>

Penghulu Dol Said menyerah diri<sup>55</sup> pada 4 Februari 1833 kepada Birch Westerhout. Beliau ditempatkan di Melaka dan diberi pencen sebanyak seratus rupa sebulan dengan syarat beliau masih hidup dan tidak menentang British atau cuba melarikan diri.<sup>56</sup> Penghulu Dol Said meninggal dunia pada bulan Ogos 1849.<sup>57</sup>

44 T.J. Newbold., Vol. 1, hlm. 228.

45 C.O. 273/1, "Chapter VIII – Malacca – Naning War", hlm. 414.

46 Tharumaratnam, Chelliah., War ini Negeri Sembilan, 1874-1875, 1955, hlm. 6. Lihat juga Rtn. P.P. KT. Joseph., 'The British Period, *Illustrated Historical Guide to Melaka*, hlm. 75.

47 SSR. R.I. GLTB., Ibbetson kepada G. Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah, Fort William, 30 Mei 1832; 15 Disember 1832. Tharumaratnam, Chelliah., *op. cit.*, hlm. 6. T.J. Newbold. vol. 11, hlm. 120.

48 SSR. U. 3. GLTRC., R. Ibbetson kepada Residen Konsular Melaka, 13 Oktober 1832.

49 SSR. R. 2. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah, Fort William, 22 September 1832.

50 Surat Peribadi, Documents Relating to Dol Said (The Naning War 1832), "Pelekat", 24 Julai 1832. SSR. U.I. GLTRC., R. Ibbetson kepada Residen Konsular Melaka, 17 Julai 1832.

51 Tharumaratnam, Chelliah., War ini Negeri Sembilan, 1874-1875, Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1955, hlm. 6. Lihat juga Rtn. P.P. KT. Joseph., 'The British Period, *Illustrated Historical Guide to Melaka*, published by The Rotary Club of Malacca, Thong Yuen Chan Sdn. Bhd., Melaka, 1973, hlm. 75.

52 T.J. Newbold., Vol. 1, *op. cit.*, hlm. 233.

53 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *op. cit.*, hlm. 358.

54 T. Braddell., *op. cit.*, hlm. 218.

55 SSR. R. 2. GLTB., S.G. Boham kepada G. Macsoveen, Setiausaha Kerajaan, Fort William, 28 Februari 1832. Lihat juga SSR. R. 2. GLTB., T. Church kepada G. Macsoveen, Setiausaha Kerajaan, Fort William, 28 April 1834.

56 SSR. R. 3. GLTB., S.G. Bonham kepada Setiausaha Kerajaan, Jabatan Politik, Fort William, 20 November 1834. Richard Winstedt., *op. cit.*, hlm. 57. Haji Mubin Sheppard., *op. cit.*, hlm. 358. Lihat juga Shahba, *op. cit.*, hlm. 36. Manakala T.J. Newbold, Vol. 1, *op. cit.*, hlm. 234; Penghulu Dol Said datang menyerah diri pada 5 Februari 1833.

57 T. Braddell., *op. cit.*, hlm. 217.

Pada tahun 1837, jawatan Pesuruhjaya Naning dihapuskan; J.B. Westerhout dilantik sebagai Timbalan Residen Konsular Melaka.<sup>58</sup> Kemudiannya Melaka dibahagikan kepada tiga: Daerah Jasin, Daerah Melaka Tengah dan Daerah Alor Gajah. Seterusnya pada tahun 1890, J.R. Innes dilantik sebagai Pegawai Daerah pertama di Alor Gajah. Daerah Alor Gajah ini terdiri daripada sebahagian besar wilayah Naning.<sup>59</sup> Dalam daerah Alor Gajah terdapat lima orang Demang yang dilantik oleh Residen Konsular Melaka: Mat Saleh bin Bidin, mukim Taboh; Mat Sah bin aji, Kelemak; Kechot bin Masamun, Padang Sebang; Haji Manas bin Abas, Sungai Baru Tengah dan Long Sah bin Sulong, Beringin. Mat Sah bin Bidin dilantik sebagai Ketua Demang atau Penghulu Besar dan beiau juga adalah Penghulu Naning. Manakala di kampung dilantik Penghulu. Penghulu ini dilantik oleh anak buah di mukim dan kemudiannya disahkan oleh Residen Konsular Melaka.<sup>60</sup>

Sekiranya dulu Penghulu Naning adalah seorang berkuasa di Naning, kini hanya berkuasa di mukim sahaja. Kedudukan ini berterusan sehinggalah Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1942-1945. Begitu juga kedudukan Naning berterusan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, 1957. Selepas merdeka taraf Dato Naning dikurangkan oleh kerajaan Melaka setaraf dengan Penghulu Kanan.<sup>61</sup> Naning kemudiannya menjadi 25 mukim: 22 mukim dalam daerah Alor Gajah dan 3 lagi dalam daerah Jasin. Mengikut Perlembagaan Negeri Melaka, Penghulu naning berkuasa dalam 25 mukim tersebut. Daerah Alor Gajah: (1) Ramuan China Besar (2) Ramuan China Kechil (3) Sungai Baru Hulu (4) Masjid Tanah (5) Sungai Siput (6) Taboh Naning (7) Pegoh (8) Kelemak (9) Pulau Sebang (10) Tanjung Rimau (11) Padang Sebang (12) Gadek (13) Melaka Pindah (14) Berisu (15) Air Pak Aabas (16) Lendu (17) Sungai Buluh (18) Melekek (19) Rembia (20) Sungai Petai (21) Kemuning (22) Tebong; Daerah Jasin: (23) Batang Melaka (24) Jus dan (25) Tebong.<sup>62</sup>

## PENGHULU NANING

Jika didasatkan pada Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi<sup>63</sup> sebelum kedatangan Belanda di Melaka tidak ada penghulu tertentu di Naning. Setelah Belanda Dari melaka datang ke Naning dan melantik penghulu dengan persetujuan orang-orang Naning dan Orang Besar Empat Suku baharulah wujud Penghulu Naning. Walaupun begitu ada juga pendapat yang menyatakan Penghulu Naning sudah pun ada. Jumlah Penghulu ini sebelas orang dan Naning dalam keadaan aman.<sup>64</sup>

Setelah Melaka jatuh ke tangan Belanda, Gabernornya, Pantos, menghantar pegawai kanan Squza, Mandis dan Francisco Pinjero ke Naning untuk mendapatkan persetujuan melantik seorang Penghulu di sini. Dengan itu penduduk Naning mengadakan mesyuarat

58 L.A. Mills, *British Malaya 1824-1867* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), hlm. 96. Normah Mansor, *Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran Naning Sehingga Tahun 1948*, hlm. 86.

59 Normah Mansor, *Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran Naning Sehingga Tahun 1948*, hlm. 89-89. R.J.F. Curtis, "The Revival of the Title of Dato Naning in 1921", *JMBRAS*, Vol. 53, Pt. 2, hlm. 97.

60 Normah Mansor, *Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran Naning Sehingga Tahun 1948*, hlm. 90-94.

61 R.J.F. Curtis, "The Revival of the Title of Dato Naning in 1921", hlm. 100.

62 Perkara ini didasarkan kepada Mohd. Shah bin Mohd. Said al-Haj, *Tambo Alam Naning*, hlm. 168.

63 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, Jilid 2. Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 353-357.

64 Shahba, *op. cit.*, hlm. 18.

tentang usul ini. Mesyuarat kemudiannya bersetuju melantik Dato' Seri Raja Merah dari Suku Biduanda sebagai Penghulu. Setelah upacara selesai Dato' Seri Raja Merah dibawa ke Melaka menemui Gabenor bagi mendapatkan pengesahan dan pengurniaan cop tanda.<sup>65</sup>

Dato' Seri Raja diganti Merah oleh anak saudaranya sebelah perempuan dan memakai gelaran Dato' Seri Raja Merah. Apabila Penghulu Naning sudah tua, Datuk Arum<sup>66</sup> mencadangkan kepada pihak Belanda melantik Juara Megat<sup>67</sup> sebagai Penghulu Naning. Cadangan disetujui oleh pihak Belanda dan Penghulu Naning. Apabila Juara Megat mendapat perakuan Sultan Johor sebagai Penghulu Naning.<sup>68</sup> Beliau dari suku Semelenggang. Juara Megat meninggal dunia, tempatnya digantikan oleh anak saudara sebelah perempuan bernama Gegah, juga dari Suku Semelenggang. Apabila Gegah meninggal dunia jawatan penghulu Naning disandang oleh saudaranya sebelah perempuan iaitu Maulana Garang yang juga dari Suku Semelenggang. Maulana Garang pula diganti oleh Janggut, iaitu anak saudara sebelah perempuan, dari suku Semelenggang. Selepas Janggut jawatan Penghulu Naning digantikan oleh Timba, anak saudara sebelah perempuan dari suku Selenggang. Timba pula digantikan oleh anak saudara sebelah perempuan bernama Anjak. Beliau juga dari suku Selenggang. Apabila Anjak meninggal dunia jawatan Penghulu Naning digantikan oleh anak saudaranya sebelah perempuan iaitu Dol Said<sup>69</sup> yang juga dari suku Semelenggang.<sup>70</sup>

Apabila Naning ditakluki British, Penghulu Dol Said tidak diiktirafkan sebagai Penghulu Naning dan gelaran Dato' Naning dihapuskan. Namun begitu adat perpatih di Naning kekal dan berjalan di bawah Penghulu Naning yang dipilih.<sup>71</sup> British juga tidak akan melantik penghulu dari kalangan mereka yang menentang British.<sup>72</sup> Pada bulan Oktober 1832 Gabenor R. Ibbetson melawat Naning.<sup>73</sup> Seiringan dengan lawatan tersebut beliau melantik lima belas orang Penghulu bagi mukim-mukim tertentu. Di antara penghulu yang dilantik adalah seperti berikut:-<sup>74</sup>

65 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *op. cit.*, hlm. 353.

66 Datuk Arum ialah Ketua Melayu Melaka. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 354). Beliau menolong Sultan Johor mendapatkan semula gundik (Sultan Johor) dengan memerintahkan Juara Megat. Sebagai mengingati jasa ini Sultan Johor menghadahi sebidang tanah, bermula dari Klebang ke Sungai Baru dan pendalaman Bertam. (Lihat T.J. Newbold, Vol. 1, hlm. 222).

67 Pada suatu ketika seorang gundik Sultan Johor telah dilarikan oleh Genta Delangit ke Melaka. Dengan itu Sultan Johor meminta pertolongan Datuk Arum menangkap dan membunuh Genta Delangit serta mengambil gundik baginda itu. Setelah menerima perintah ini Datuk Arum memerintahkan Juara Megat dari Naning membunuh Genta Delangit dan mengambil gundik Sultan Johor itu. Juara Megat meminta Keris Datuk Arum dan diberikan. Apabila mendengar berita ini Genta Delangit melarikan diri ke Muar. Namun demikian akhirnya Genta Delangit dapat ditangkap dan dibunuh oleh Juara Megat dan menyerahkan gundik kepada Sultan Johor. Mengingati kejayaan ini Sultan Johor memberi perakuan supaya melantik Juara Megat sebagai Penghulu Naning. Selain itu Juara Megat juga diberikan persalinan dan hadiah sebilah pedang, budak sekelamin, seorang lelaki dan seorang perempuan, sehelai baju dan tanah di Gemencheh. (Sila lihat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *op. cit.*, hl. 354, juga lihat T.J. Newbold, Vol. 1, hlm. 220-222. Lihat juga T. Braddell, hlm. 226).

68 T.J. Newbold, hlm. 222.

69 Dol Said mempunyai dua orang saudara, seorang lelaki, Datuk Seri Maharaja dan seorang lagi perempuan bernama Che Jelai.

70 Susunan pengganti-pengganti penghulu ini didasarkan pada Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 354-355, juga lihat Shahba, *op. cit.*, hlm. 19-20.

71 R.J.F. Curtis, "The Revival of the Title of Dato Naning in 1921", hlm. 97.

72 SSR. U.I. GLTRC., R. Ibbetson kepada Residen Konsular Melaka, 28 Jun 1832.

73 T. Braddell., *op. cit.*, hlm. 218.

74 Abdullah bin Abdul Kadir Munshi., *op. cit.*, hlm. 357. (Hanya mencatatkan empat belas orang nama sahaja). Lihat juga Shahba, *op. cit.*, hlm. 35.

**Jadual 1**  
**Senarai Nama Penghulu dan Suku**

Nama Tempat	Nama Penghulu	Suku
Ikan Lemak	Bilal Manja	Batu Belang
Pikau	Mamat	Batu Belang
Melekek	Maulana Sultan	Batu Belang
Taboh	Safar	Semelenggang
Lendu	Kiman	Tiga Batu
Ayer Pa' Abas	Dol	Anak Melaka
Berisu	Alaudin	Anak Melaka
Sungai Siput	Laut	Semelenggang
Penghulu Padang Sebang	Kuroh	Tiga Nenek
Tanjung Rimau	Lengkar	Tiga Batu
Pulau	Talib	Mungkar
Kemuning	Udin	Semelenggang
Batang Melaka	Kujal	Mungkal
Tebong	Dul Kunchi	Biduanda

**Sumber:** Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah Jilid 2*, hlm. 357.

Dengan pelantikan ini maka kuasa tradisi Penghulu dan Empat Suku terhapus.<sup>75</sup> Penghulu yang dilantik ini akan menjaga keamanan dan kemakmuran dalam mukim masing-masing. Sekiranya ada kes yang berat hendaklah dibawa ke hadapan kerajaan di Melaka dan bukan lagi kepada Penghulu atau Empat Suku. Penghulu-penghulu ini juga ditugaskan membantu kerajaan memungut hasil dalam mukim masing-masing.<sup>76</sup>

Setelah Penghulu Dol Said meninggal dunia, jawatan Penghulu disandang oleh Dato' Idas (perut ketiga). Apabila Dato' Idas meninggal dunia pada tahun 1870, jawatan Penghulu Naning dipegang pula oleh Dato' Muhammad Salleh (perut satu). Di masa Dato' Muhammad Salleh baju kebesaran Naning hilang. Selepas kematian Dato' Muhammad Salleh jawatan Penghulu Naning disandang oleh Dato' Ranting (perut kedua) pada tahun 1900.<sup>77</sup> Namun begitu persoalan Penghulu Naning timbul kembali. Encik Hassan yang menuntut jawatan Penghulu Naning membuat aduan kepada Residen Konsular Melaka. Dia menyatakan perlantikan Dato' Ranting tidak berlandaskan Adat. Dengan itu British memecat Dato' Ranting.<sup>78</sup> Namun begitu ada juga menyatakan Dato' Ranting meletakkan jawatan. Dengan itu Penghulu Naning disandang oleh Dato' Hassan (perut pertama). Apabila Dato' Hassan meninggal dunia pada tahun 1916, persoalan jawatan Penghulu Naning berterusan. Kali ini persaingan berlaku antara Encik Omar bin Hassan (perut satu) dengan Encik Yunus bin Nordin (perut kedua).<sup>79</sup>

<sup>75</sup> T. Braddell, *op. cit.*, hlm. 218.

<sup>76</sup> T.J. Newbold., Vol. 1, *op. cit.*, hl. 232.

<sup>77</sup> Temu bual Yunos bin Nordin, Kampung Cendana (Cerana) Puteh, Taboh, Naning, 10 Februari 1981.

<sup>78</sup> Mohd. Shah bin Mohd. Said al-Haj, *Tambo Alam Naning*, hlm. 179.

<sup>79</sup> Normah Mansor, Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran Naning Sehingga Tahun 1948, latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996, 101. Hamidah Said, Shahba: 'Pusaka Naning' Satu Kajian Teks, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/1978, hlm. 40-42.

Dua tahun kemudian (1918), Encik Hassan dilantik sebagai Penghulu naning. Yunus bin Nordin tidak mengiktiraf Dato' Omar. Mengikut catatan R.J.F. Curtis (pada tahun 1921 menjadi pegawai kadet bertugas di Alor Gajah dan Pegawai Daerah Alor Gajah pada tahun 1922 menggantikan Reginald Bird), Yunus datang ke Taboh dan secara paksa mengambil alat-alat kebesaran naning. Dato' Omar mengadu kepada pegawai daerah Alor Gajah, Reginald Bird. Perkara ini dipanjangkan oleh Bird kepada Residen Konsular Melaka, L.E.P. Wolferstan. Seterusnya Wolferstan yang bersikap tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas kejadian itu, memanjangkan pula kepada Setiausaha Tanah Jajahan di Singapura. Peguam Besar (*Attorney General*) Singapura menasihatkan Kerajaan Negeri Selat mengiktirafkan Dato' Omar sebagai Dato' Naning dalam pengisytiharan umum. Dengan gelaran ini Dato' Omar boleh mendakwa Yunus bin Nordin di Mahkamah Tinggi Melaka supaya menyerahkan alat-alat kebesaran yang diambil.

Dengan itu dalam satu upacara pengisytiharan yang berlangsung di Pejabat Daerah, Alor Gajah pada 3 September 1921, Dato' Omar diisytiharkan sebagai Dato' Naning. Yunus bin Nordin hadir di upacara tersebut memakai kasut hitam dan putih. Pada tahun 1922, ketika J.J.F. Curtis menjadi pegawai daerah Alor Gajah, beliau menerima surat tulisan jawi daripada Dato' Omar yang menyatakan keadaannya tenat dan meminta mengaturkan pelantikan Othman bin Kering (perut pertama) sebagai Dato' Naning. Lembaga Adat Naning tidak merestui Othman, sebaliknya melantik Mohd. Arshad (perut ketiga) sebagai Dato' Naning pada tahun 1923. Othman yang berusia 11 tahun meneruskan pengajiannya di High School Melaka. Beliau hanya diisytiharkan sebagai Penghulu Naning pada tahun 1932 oleh Residen Konsular Melaka, J.S.W. Arthur, menggantikan Dato' Mohd. Arshad. Pengisytiharan ini diikuti oleh pemulihan kembali upacara lama Naning dan gelaran Orang Kaya Seri Raja Merah. Dato' Othman berkhidmat dalam Pasuka Sukarela Negeri-Negeri Selat dan berpangkat Leftenan Muda ketika Jepun melanggar Tanah Melayu. Beliau kemudiannya dipenjarakan dan diembak mati oleh Jepun. Dengan itu Penghulu Naning disandang oleh Lah bin Mat Sah (perut kedua) bergelar Orang Kaya Seri Raja Merah. Dato' Lah dibunuh oleh Komunis pada tahun 1949. Seterusnya jawatan Penghulu Naning disandang oleh Mohd. Shah bin Mohd. Said.<sup>80</sup>

## PENILAIAN

Perkembangan sejarah Naning sangat menarik. Naning bukan sahaja sebagai negeri kecil Melayu tetapi diperintah oleh Penghulu yang bergelar Dato' Seri Raja Merah. Dalam pentadbiran dan kehidupan harian mereka memegang Adat Perpatih.

Malah yang lebih menarik lagi Adat Perpatih yang wujud di Naning adalah secara langsung dibawa oleh Dato' Perpatih Pinang Sebatang. Selain itu daripada perjuangan menentang penjajah, Naning mencatatkan sejarah yang gemilang. Naning di bawah pimpinan Penghulu Dol Said berjaya mengalahkan angkatan British yang datang untuk menjajah Naning pada tahun 1832. Pada ketika itu British adalah sebuah kuasa terkuat dunia. Kepentingan Penghulu Naning sebagai pelindung Adat di Wilayah Naning tidak mudah untuk disanggah. Apatah lagi adat yang menjadi warisan sesuatu bangsa adalah juga melambangkan tamadun bangsa tersebut.

80 R.J.F. Curtic, "The Revival of the Title of Dato Naning in 1921", hlm. 97-100.

**Singkatan**

C.O.	–	Colonial Office
GLTB	–	Governor's Letters to Bengal
GLTRC	–	Governor's Letters to Resident Councillors
JIAEA	–	Journal of the India Archipelago and East Asia
JMBRAS	–	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JMBRAS	–	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
MDNW	–	Malay Documents Relating to Nanning War Introductory

**Note**

SC	–	Singapore Chronicle
SSR	–	Straits Settlements Records